



Jabatan Laut Wilayah Tengah,
(*Selangor, Negeri Sembilan & Melaka*)
Jalan Foreshore, 42000 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03- 3169 5100, Kawat : "Harbmaster" Pelabuhan Klang
Telex: MA 39748, Fax: 03- 3165 3540, E-mail: pjlwt@marine.gov.my

PEKELILING PELABUHAN

NO: 04 / 2006

KERJA-KERJA MENGESAN DAN PEMBAIKAN SALURAN PAIP DASAR LAUT (UNDERWATER PIPELINE) YANG MERENTASI SELAT KLANG SELATAN DARI PULAU INDAH KE PULAU KLANG, PELABUHAN KLANG

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.
Kepada : Syarikat-Syarikat Perkapalan, Malim Pelabuhan, Nakhoda Kapal,
Pelaut Tempatan, Nelayan-Nelayan dan Semua Pihak Yang Berkaitan.
Tarikh : 13 Mac 2006.

Dimaklumkan bahawa Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) akan menjalankan kerja-kerja mengesan dan pembaikan saluran paip air dasar laut (*underwater pipeline*) yang merentasi Selat Klang Selatan dari Pulau Indah ke Pulau Klang, di Pelabuhan Klang sepanjang kira-kira 1,000 meter selama tempoh kira-kira 8 hari mulai dari **13 Mac hingga 20 Mac 2006**.

2. Perlu dimaklumkan juga bahawa kerja-kerja tersebut akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat yang melibatkan kerja-kerja di permukaan air serta di dasar laut (*surface and underwater operations*) yang menggunakan khidmat para juruselam. Kerja-kerja tersebut pada amnya akan dijalankan pada waktu siang hari sahaja, namun pada sesuatu hari dan keadaan tertentu, kerja-kerja akan dijalankan selama 24 jam. Kawasan kerja terlibat adalah di sekitar kawasan perairan yang menghubungkan suatu poin di pantai Pulau Indah pada kedudukan pada **Lat. 02° 58.78' Utara & Long. 101° 19.92' Timur hingga** ke suatu poin di pantai Pulau Klang pada kedudukan **Lat. 02° 59.85' Utara & Long. 101° 20.05' Timur**.

3. Bagi tujuan berkaitan, pihak SYABAS akan menggunakan beberapa buah bot dan barj-barj yang kesemuanya akan mempamirkan isyarat-isyarat siang dan malam yang bersesuaian di sepanjang tempoh operasi. Di samping itu, pelampung-pelampung penanda (*marker buoys*) berserta lampu-lampu amaran bersesuaian, akan dipasangkan di kawasan kerja.

4. Selaras dengan itu, maka semua kapal, bot-bot dan bot-bot nelayan adalah diingatkan supaya berhati-hati serta memandu dengan kelajuan yang rendah/selamat semasa melalui perairan berkenaan dan di mana praktikal serta selamat, mestilah memberikan kelegaan muna-sabah kepada kawasan kerja.

Sekian, terima kasih.

(**MOHD SANI BIN ROSLI**)
b.p. Pegawai Pelabuhan,
Jabatan Laut Wilayah Tengah,
Pelabuhan Klang.

- s.k:
- (i) Ketua Pengarah Laut,
Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia,
Pelabuhan Klang.
(u.p: Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran /
Penyelia Pusat VTS-MRCC)
 - (ii) Pengarah Laut Wilayah Tengah.
 - (iii) Pengurus Besar,
Lembaga Pelabuhan Kelang.